



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELUNCURAN BUKU PANDUAN PENTERNAKAN UNGGAS JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) 4 SEPTEMBER 2026 DEWAN G2G, MAEPS, SERDANG, SELANGOR

SERDANG, 4 September 2026 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hari ini melancarkan lima (5) Buku Panduan Penternakan Unggas Jilid Terkini (Edisi 2025) meliputi Ayam Kampung, Ayam Pedaging, Ayam Penelur, Itik dan Puyuh sebagai usaha memperkukuh penyampaian maklumat teknikal serta meningkatkan kecekapan pengurusan ladang dalam kalangan penternak dan pemain industri.

Majlis Peluncuran Buku Panduan Penternakan Unggas yang berlangsung bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Luqman bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, pegawai kanan KPKM dan DVS, wakil akademik serta pemain industri.

Penerbitan lima buku panduan tersebut menyediakan rujukan teknikal yang menyeluruh dan praktikal, merangkumi aspek utama pengurusan ladang daripada pemilihan baka, pengurusan reban terbuka dan tertutup, pemakanan termasuk sumber makanan alternatif, program kesihatan dan pemvaksinan serta biosekuriti ladang.

Panduan tersebut turut merangkumi aspek analisis ekonomi dan daya maju projek termasuk Nilai Kini Bersih (NPV), Kadar Pulangan Dalaman (IRR) dan Margin Kasar,

sekali gus membolehkan buku berkenaan dijadikan rujukan bermula daripada peringkat perancangan dan pemeliharaan sehingga produk dipasarkan.

Penerbitan ini juga merupakan hasil kerjasama antara sektor awam, akademia dan industri yang menggabungkan kepakaran teknikal serta pengalaman sebenar di lapangan bagi menghasilkan panduan yang mudah dirujuk oleh pegawai teknikal, penternak dan pengusaha.

Industri unggas yang merangkumi ayam pedaging, ayam penelur, ayam kampung, itik dan puyuh merupakan antara subsektor ternakan terpenting dalam menjamin bekalan sumber protein negara.

Pengeluaran daging ayam tempatan telah mencapai tahap sara diri sejak tahun 1981, manakala Kadar Sara Diri (SSR) daging ayam pada tahun 2024 adalah sebanyak 93.8 peratus. Malaysia juga menghasilkan lebih 10 bilion biji telur setahun bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan dan eksport.

Di bawah landasan Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2030, Kerajaan menyasarkan SSR daging ayam mencapai 140 peratus menjelang tahun 2030, sekali gus memperlihatkan kepentingan usaha berterusan untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing industri unggas negara.

Dalam mencapai sasaran tersebut, industri perlu diperkukuh bagi menghadapi pelbagai cabaran termasuk ketidakstabilan harga bahan makanan ternakan, perubahan cuaca dan iklim, kekangan biosekuriti ladang serta risiko penularan penyakit unggas termasuk Avian Influenza yang boleh memberi kesan kepada kos pengeluaran, produktiviti dan kestabilan bekalan makanan.

Selaras dengan fokus MAHA 2026, KPKM memberi penekanan kepada pemodenan ekosistem penternakan unggas melalui penerapan teknologi, peningkatan kecekapan pengeluaran dan pengukuhan daya tahan industri.

Antara pendekatan yang digalakkan ialah memperluas penggunaan Sistem Reban Tertutup (Closed House) dan teknologi Internet of Things (IoT) bagi membolehkan pemantauan suhu, pengudaraan serta prestasi ternakan dilaksanakan secara lebih sistematik.

Aspek biosekuriti dan sistem daya jejak dari ladang ke meja makan (*farm to table*) turut perlu diperkukuh bagi memastikan tahap kesihatan haiwan, keselamatan makanan dan keyakinan pasaran terus dipertingkatkan.

Dalam hubungan ini, lima Buku Panduan Penternakan Unggas yang dilancarkan amat bertepatan dengan keperluan semasa industri. Penternak digalakkan memanfaatkan panduan tersebut untuk memperkukuh Amalan Penternakan Baik (GAHP/MyGAP), meningkatkan tahap biosekuriti, memperkemas pengurusan kesihatan ternakan serta memantau prestasi ladang secara sistematik.

Kerajaan melalui KPKM bersama DVS akan terus menyokong pembangunan industri melalui ekosistem bantuan, latihan, pemantauan, bimbingan dan khidmat teknikal yang bersesuaian bagi memastikan ilmu serta panduan yang disediakan dapat diterjemahkan kepada amalan sebenar di lapangan.

DVS yakin pengurusan ladang yang baik, penggunaan teknologi yang bersesuaian serta pematuhan kepada amalan dan piawaian yang ditetapkan mampu meningkatkan produktiviti, memperkukuh daya tahan industri serta memperluas daya saing industri unggas Malaysia di pasaran serantau dan antarabangsa.

Selaras dengan usaha memperluas akses kepada maklumat, buku panduan berkenaan turut boleh diakses secara digital melalui kod QR dan Portal Rasmi DVS, sekali gus memudahkan penternak, pegawai teknikal, pengusaha serta masyarakat mendapatkan rujukan pada bila-bila masa.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
4 SEPTEMBER 2026**



